

FOMCA, PPJK tolak cadangan caj kesesakan di ibu kota

Kuala Lumpur: Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Persatuan Pengguna Jalan Raya Kebangsaan (PPJK) menolak cadangan pelaksanaan caj kesesakan di ibu kota kerana berpendapat langkah itu diyakini tidak mampu menyelesaikan masalah lalu lintas.

Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA, Dr T Saravanan, berkata pelaksanaan caj kesesakan tidak sesuai kerana persekitaran ibu kota itu sendiri berdepan dengan kekurangan alternatif pengangkutan yang boleh diharapkan.

Beliau berkata, pelaksanaan caj kesesakan tanpa terlebih dahulu memperbaiki infrastruktur pengangkutan awam, laluan pejalan kaki dan lorong basikal selain tiada penyediaan insentif untuk alternatif dikhuatiri membebankan pengguna tanpa menyelesaikan masalah kesesakan secara efektif.

“Insentif untuk langkah alternatif adalah perkongsian kenderaan dan waktu kerja fleksibel. Tiada insentif signifikan daripada kerajaan untuk itu, yang berpotensi mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya dan seterusnya me-

Caj kesesakan kurangkan sehingga 20 peratus trafik



ngurangkan kesesakan.

“Atas dasar itu, pendekatan yang lebih holistik dan inklusif diperlukan untuk memastikan keberkesanan langkah yang diambil,” katanya kepada *BH*, semalam.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, dilaporkan berkata sekiranya caj diperkenalkan bagi menangani isu kesesakan lalu lintas di ibu kota, ia akan memberi impak kepada sektor ekonomi dalam masa dua hingga tahun.

Mengulas lanjut, Saravanan berkata, terdapat lima masalah berkaitan pengangkutan awam yang perlu diberi tumpuan terlebih dahulu termasuk gangguan perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT), sebelum memikirkan mengenai pelaksanaan

caj kesesakan.

Beliau berkata, selain itu insiden perlanggaran LRT juga perlu ditangani, begitu juga dengan ketiadaan akses bas di kawasan tertentu sehingga ada dalam kalangan pengguna terpaksa berjalan kaki selama 25 minit dari rumah mereka untuk mendapatkan perkhidmatan pengangkutan awam berkenaan.

“Keadaan laluan pejalan kaki dan lorong basikal juga perlu diambil kira, contohnya jambatan pejalan kaki yang menghubungkan Stesen LRT Plaza Rakyat didapati usang, sekali gus menimbulkan risiko keselamatan kepada pengguna.

“Kita juga mempersoalkan projek pembinaan laluan basikal bernilai RM10.5 juta oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Kepong terutama apabila perancangan dan konsultasi awam dianggap tidak mencukupi,” katanya.

Sementara itu, Presiden PPJK, Fahami Ashrof Badarudin, berkata kerajaan perlu menitikberatkan aspek pengangkutan awam yang efisien dan kaedah terbaik bagi membantu rakyat sebelum menguatkuasakan sebarang caj kesesakan.

“Insentif untuk langkah alternatif adalah perkongsian kenderaan dan waktu kerja fleksibel. Tiada insentif signifikan daripada kerajaan untuk itu, yang berpotensi mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya”

T Saravanan,
Ketua Pegawai
Eksekutif
FOMCA



Beliau berkata, berbanding negara maju seperti di kota London, trafik pengangkutan awamnya amat efisien dan mudah untuk diakses berbanding di sini.

“Contohnya, kita dari pusat beli-belah Sogo ke KLCC, kena pusing jauh untuk menggunakan LRT. Jika menggunakan bas pula, perlu bersesak-sesak.

“Ini antara perkara yang perlu dititikberatkan dulu oleh kerajaan sebelum mengenakan sebarang caj kepada pengguna jalan raya pada waktu puncak,” katanya.